BANTUAN SARA HIDUP NELAYAN LAUT (ESHN)

SIRI 15/2025

Bantuan Sara Hidup Nelayan Laut (ESHN) adalah inisiatif kerajaan Malaysia di bawah Belanjawan 2025 yang bertujuan meringankan beban golongan nelayan yang terkesan akibat peningkatan kos sara hidup.

KATEGORI PENERIMA

- Pemilik vesel perikanan Zon A
- Pemilik vesel transformasi Zon A yang berstatus syarikat
- Pekerja (awak-awak) atas vesel berlesen bagi Zon A, B, C, dan C2 yang merupakan warganegara Malaysia

JUMLAH BANTUAN

RM300

SEBULAN

KAEDAH PEMBAYARAN

MELALUI BANK

Bayaran terus ke akaun penerima melalui bank yang ditetapkan.

- Agrobank
- BSN
- CIMB
- MAYBANK

SECARA TUNAI

Bayaran secara tunai oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri melalui Persatuan Nelayan Kawasan (PNK)

KRITERIA KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia
- Berumur 18 tahun ke atas
- Memiliki Kad Nelayan yang sah
- Memiliki lesen vesel perikanan yang sah, sama ada dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Laut Sabah, atau Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Negeri Sabah
- Status pengambilan minyak yang aktif
- Bagi pekerja (awak-awak), didaftarkan sebagai pekerja vesel oleh pemilik vesel individu atau syarikat

CARA PERMOHONAN

Permohonan boleh dibuat melalui sistem e-Pengisytiharan LKIM di pejabat Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dengan menyediakan dokumen yang ditetapkan.

- Kad pengenalan
- Borang permohonan yang lengkap diisi
- Salinan MyKad pemilik vesel dan pekerja
- Salinan lesen vesel perikanan yang sah dan lesen perkakasan menangkap ikan (jika berkaitan)
- Borang daftar pekerja vesel (awak-awak) yang disahkan oleh pemilik
- Salinan Kad Nelayan pemilik dan pekerja yang masih sah
- Salinan buku akaun simpanan (Agrobank/BSN/CIMB/Maybank)
- Gambar pemohon berukuran pasport (terkini)
- Dokumen sokongan lain (jika berkaitan)

MALAYSIA MADANI

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Rujuk Laman Rasmi
https://www.lkim.gov.my

MADANI BEKERJA